

TARIQAH TASAWWUF TUNJANG AQIDAH AHLI SUNNAH DAN JAMA'AH

Abdullaah Jalil

Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Email: abdullaah@usim.edu.my


SIMPOSIUM TAREKAT TASAWWUF 2016

Auditorium, Masjid Putra, Putrajaya

21 Mei 2016/ 14 Syaaban 1437 (Sabtu)

Anjuran:

Pertubuhan Tarekat Muktabar Malaysia (PERTAMA)



ISI KANDUNGAN

1. Pendahuluan: Tasawwuf adalah Tazkiyah dan Ihsan	1
2. Peshariatan Tasawwuf Di dalam al-Quran dan al-Sunnah	2
3. Hubungan Di Antara Tariqah Sufi dan Ilmu Tasawwuf.....	2
4. Hubungan Tasawwuf dengan Aqidah dan Shariat.....	3
5. Tariqah Tasawwuf Sebagai Tunjang Aqidah Ahli Sunnah dan Jama'ah	4
5.1 Tasawwuf dan Tariqah Menitik Beratkan Aspek Kerohanian dan Memperincikan Amalan-amalan Qalbiyyah.....	5
5.2 Tasawwuf dan Tariqah Menghubungkan Shariat dan Hakikat	6
5.3 Tasawwuf dan Tariqah Memurnikan, Menghiasi dan Menyempurnakan Shariat dan Aqidah	7
5.4 Peranan Tariqah Tasawwuf dalam Menyebarkan Islam.....	8
5.5 Peranan Tariqah Tasawwuf Dalam Pembukaan Wilayah Islam dan Jihad Kemerdekaan	8
6. Tasawwuf dan Tariqah Sufi Sebagai Salah Satu Gagasan Ahli Sunnah dan Jama'ah di Malaysia.....	9
6.1 Wasiat al-Shaykh Abdullah Fahim	10
6.2 Dato' Mustapha Othman – Ketua Pengarah JAKIM.....	11
6.3 Resolusi Konvensyen Akidah Antarabangsa 2014 (K-Akidah) – Negeri Sembilan.....	11
6.4 Muzakarah Fatwa Negeri Sembilan 2016.....	12
7. Kesimpulan	12
BIBLIOGRAFI	13
Lampiran 1: Wasiat Sheikh Abdullah Fahim	15
Lampiran 2: Resolusi Konvensyen Akidah Antarabangsa 2014	16

1. Pendahuluan: Tasawwuf adalah Tazkiyah dan Ihsan

Tasawwuf adalah merupakan satu madrasah kerohanian Islam yang lahir bersama lahirnya Islam. Di dalam al-Quran terdapat beberapa ayat yang jelas dan dapat dijadikan dalil yang membuktikan Tasawwuf memang lahir bersama lahirnya Islam. Allah berfirman:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ

Maksudnya: “Dialah (Allah) yang telah mengutuskan seorang rasul (Nabi Muhammad ﷺ) dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (mengajar ummatnya mengenal Allah), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (hukum-hakam) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak)...” (al-Jumu‘ah,2)

Tazkiyah (وَيُزَكِّيهِمْ) yang tersebut dalam ayat ini bermaksud ilmu tazkiyat al-nafs atau ilmu Ihsan atau ilmu Tasawwuf atau ilmu Hati, kerana ilmu Ihsan atau Tasawwuf tujuannya membersihkan zahir dan batin manusia (Jahid Sidek, 2014).

Kandungan dalam Tasawwuf adalah merupakan amalan Rasulullah ﷺ, golongan sahabat, tabi’in, tabi’ut-tabi’in dan para salafussoleh. Amalan Tasawwuf adalah *sunnah muttaba’ah*. Ianya menjadi salah satu dari tiga rukun agama Islam, iaitu Islam, Iman dan Ihsan (Jahid Sidek, 2014).

Ihsan yang disebut dalam hadis Jibril ﷺ yang masyhur adalah asas ilmu dan amalan Tasawwuf. Maka, ilmu Ihsan adalah merupakan ilmu Tasawwuf. Syeikh Muhammad Zakariyya Al-Kandahlawi, dalam kitabnya Al-Shariah wa al-Tariqah menegaskan dengan kata-katanya, yang bermaksud (Zakariyya al-Kandahlawi):

“Tariqat sebenarnya adalah nama yang sama maknanya dengan Ihsan yang tersebut dalam hadis. Ia merupakan jalan yang menyampaikan Ihsan. Ihsan juga disebut dan dikenali dengan tasawwuf atau suluk.

Anda boleh namakan ilmu Ihsan itu dengan apa-apa istilah. Semua lafaz istilah itu berlainan tetapi maksudnya sama.”

2. Peshariatan Tasawwuf Di dalam al-Quran dan al-Sunnah

Peshariatan aspek-aspek kerohanian adalah sesuatu yang diketahui secara *daruri* di dalam Islam. Jika dilihat dengan teliti kepada hadith Jibril, rukun-rukun Iman dan Ihsan adalah merupakan perkara-perkara rohani. Dan jalan para ulama’ Sufi bukanlah sesuatu yang asing menurut dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah.

Ulama’ besar dalam disiplin ilmu Tasawwuf, yang juga merupakan seorang *faqih* lagi *muhaddith*, Al-Imam Abu al-Mawahib ‘Abd al-Wahhab al-Sha’rani al-Shafi’i (973H) berkata di dalam “Lawaqih al-Anwar al-Qudsiyyah fi Bayan al-‘Uhud al-Muhammadiyah” (al-Sha’rani, 2005, p. 10):

فَاتَّخِذْ لَكَ يَا أَخِي شَيْخًا، وَاقْبَلْ نُصْحِي، وَإِيَّاكَ أَنْ تَقُولَ أَنَّ طَرِيقَ الصُّوفِيَّةِ لَمْ يَأْتِ بِهَا
كِتَابٌ وَلَا سُنَّةٌ فَإِنَّهُ كُفْرٌ، فَإِنَّهَا كُلُّهَا أَخْلَاقٌ مُحَمَّدِيَّةٌ سَدَّاهَا وَحَمَّتْهَا مِنْهَا.

“Maka ambillah bagimu wahai saudaraku seorang Shaykh! Dan terimalah nasihatku! Dan janganlah engkau sekali mengatakan Tariq ahli-ahli Sufi itu tidak datang berkenaannya al-Quran dan al-Sunnah, maka sesungguhnya itu adalah satu kekufuran. Maka sesungguhnya ia (Tariqah itu) keseluruhannya adalah akhlak-akhlak Muhammadiyah (Rasulullah ﷺ), benang-benangnya yang tegak dan melintang (perumpamaan bagi kain) adalah daripadanya (akhlak-akhlak Rasulullah ﷺ).”

3. Hubungan Di Antara Tariqah Sufi dan Ilmu Tasawwuf

Persoalan yang sering ditimbulkan adalah: Apakah hubungan di antara Tariqah dan Tasawwuf?. Mungkin jawapan yang paling mudah untuk difahami bagi masyarakat awam adalah dengan menyatakan hubungannya adalah seperti Mazhab Fiqh dan Hukum Shariat yang amali.

Seperti bidang-bidang ilmu lain di dalam Islam, terdapat para ulama’ Islam yang bangkit dan memberi perhatian kepadanya lalu dinisbahkan kepada tokoh-tokoh tersebut mazhab atau tariqah atau qira’ah atau madrasah dengan

nama-nama tokoh-tokoh tersebut. Penisbahan ini bukanlah bermaksud bahawa intipati dan hakikat ilmu tersebut tidak pernah wujud sebelum mereka tetapi penisbahan seperti ini adalah kerana mereka lah yang berusaha mempertahankannya serta menerangkan kaedah-kaedahnya serta prinsip-prinsipnya dan menyeru untuk beramal dengannya ketika ilmu tersebut semakin pudar (al-Ghumari).

Al-Shaykh Dr. Jawdah al-Mahdi (2005) menyebut bahawa Allah ﷻ membangkitkan para ulama' di setiap zaman untuk memelihara Shariat Allah. Ada yang dibangkitkan untuk memelihara cabang Islam, ada yang dibangkitkan untuk memelihara cabang Iman, dan ada yang dibangkitkan untuk memelihara cabang Ihsan. Dan para ulama' Tasawwuf atau Sufi adalah mereka yang bertugas memelihara cabang Ihsan ini daripada penyelewengan.

4. Hubungan Tasawwuf dengan Aqidah dan Shariat

Penerangan Rasulullah ﷺ bagi Ihsan di dalam Hadith Jibril adalah merupakan kata-kata atau ungkapan yang menjadi anak kunci (*keywords*) yang penting untuk melihat dan memahami dengan tepat hubungan tasawwuf dengan akidah dan syariat. Berdasarkan hadis Jibril tersebut dapat dirumuskan beberapa kesimpulan (Jahid Sidek, 2014):

1. Tasawwuf adalah merupakan natijah amalan yang menggabungkan akidah dengan syariat atau tauhid dengan fekah.
2. Tasawwuf adalah amalan yang mampu meningkatkan kedua-dua bidang akidah (tauhid) dan syariat (fekah).
3. Hanya dengan tasawwuf, maka akidah atau tauhid dapat dicapai setinggi-tingginya iaitu hakikat dan makrifah.
4. Tasawwuf adalah ilmu dan amalan yang menumpukan aspek rohani (hati, roh dan sirr) secara *dhawqi, ruhiyy*.
5. Tasawwuf adalah merupakan roh bagi agama. Sebagaimana jasad tidak akan hidup tanpa roh, maka begitulah agama tidak akan hidup tanpa tasawwuf.

5. Tariqah Tasawwuf Sebagai Tunjang Aqidah Ahli Sunnah dan Jama'ah

Peranan dan hubungan ulama' Tasawwuf dan Tariqah (ulama' Sufi) sebagai tunjang penghayatan aqidah Ahli Sunnah dan Jama'ah adalah jelas. al-Imam Abu Mansur 'Abd al-Qahir al-Baghdadi al-Tamimi al-Shafi'i (wafat 463H) – salah seorang tokoh Islam termuka di dalam bidang aqidah dan salah seorang tokoh ulama' mazhab al-Shafi'i menyebut di dalam kitab aqidahnya yang amat terkenal “*al-Farq bayn al-Firaq*” (Abu Mansur al-Baghdadi, 1977):

إِعْلَمُوا أَسْعَدَكُمْ اللهُ أَنْ أَهْلَ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ ثَمَانِيَةَ أَصْنَافٍ مِنَ النَّاسِ ::

“Ketahuilah oleh kamu – semoga Allah membahagiakan kamu – sesungguhnya Ahli al-Sunnah dan al-Jama'ah itu adalah merupakan lapan (8) golongan daripada manusia (para Muslimin).

Berkenaan golongan Sufi sebagai salah satu daripada lapan golongan Ahli Sunnah dan Jama'ah, beliau menyebut:

والصنف السادس منهم: الزهاد الصوفية الذين أبصروا فأقصرُوا، واختبرُوا فاعتبرُوا، ورضوا بالمقدور، وقنعوا بالميسور، وعلموا أن السمع والبصر والفؤاد كل أولئك مسئول عن الخير والشر، ومحاسب على مثاقيل الذر، فأعدوا خير الإعداد ليوم المعاد. وجرى كلامهم في طريقي العبارة والإشارة على سمت أهل الحديث، دون من يشتري لهو الحديث، لا يعملون الخير رياء، ولا يتركونه حياء، دينهم التوحيد ونفي التشبيه، ومذهبهم التفويض إلى الله تعالى، والتوكل عليه، والتسليم لأمره، والقناعة بما رزقوا، والإعراض عن الاعتراض عليه ﴿ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ﴾ [سورة الحديد آية 21].

“Golongan yang ke enam (di antara golongan ASWJ) ialah golongan ahli zuhud dan ahli tasawwuf yang mempunyai pandangan yang tajam (dalam memahami agama). Mereka hidup dengan cara serdahana, membuat berbagai latihan kerohanian. Mereka mampu mengambil iktibar atau pengajaran yang benar dan mendalam mengenai ajaran

agama. Mereka bersifat redha dengan apa yang Allah takdirkan. Mereka bersifat qana'ah (berpada) dengan rezeki yang Allah kurniakan. Mereka tidak mengejar kemewahan. Mereka menyadari sedalam-dalamnya bahawa pendengaran, penglihatan (akal) dan hati akan disoal kelak (di akhirat) mengenai baik atau buruknya. Mereka sentiasa muhasabah diri sampai mengenai perkara-perkara yang sehalus-halusnya atau sekecil-kecilnya. Mereka membuat persediaan yang baik untuk kehidupan hari akhirat. Mereka bercakap menggunakan ibarat dan isyarat, mengikut cara ahli hadis. Mereka tidak bercakap perkara yang kosong dan sia-sia. Mereka tidak melakukan kebaikan kerana riak dan tidak meninggalkan amalan yang baik disebabkan malu kepada manusia. Agama mereka adalah tauhid sebenar dan menafikan penyamaan Allah dengan makhluk. Mazhab mereka mengenai kerohanian ialah menyerah kepada Allah dan tawakal. Mereka taat kepada perintah Allah, menyerah penuh sebagai hambaNya. Mereka redha terhadap apa yang ditakdirkan oleh Allah dengan hati dan perbuatan. Al-Quran ada menyebutkan hal keadaan mereka seperti itu." Firman Allah: "...yang demikian itu ialah limpah kurnia Allah, diberikannya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar..." (al-Hadid,21) (Jahid Sidek, 2014).

Di sini, penulis cuba mencatatkan dengan ringkas lima (5) peranan Tasawwuf dan Tariqah yang layak dijadikan bukti tentang hakikat kedudukan Tariqah Tasawwuf sebagai tunjang aqidah Ahli Sunnah dan Jama'ah.

5.1 Tasawwuf dan Tariqah Menitik Beratkan Aspek Kerohanian dan Memperincikan Amalan-amalan Qalbiyyah

Tidak ada sesiapa pun yang boleh menafikan kepentingan hati rohani dari sudut pandangan Islam. Dan di hatilah tempat letaknya simpulan-simpulan aqidah dan Iman. Walaupun begitu perbincangan hati dalam disiplin ilmu aqidah pada kebiasaannya hanya berkisar sekitar (i) Tawhid iaitu mengesakan Allah ﷻ pada zatNya, sifatNya dan af'alNya serta (ii) Tasdiq iaitu membenarkan segala perkhabaran yang didatangkan oleh Baginda Rasulullah ﷺ sama ada berkaitan perkara-perkara zahir dan ghaib di dunia dan akhirat. Dalam disiplin ilmu fiqh pula, aspek rohani yang dibincangkan lebih tertempu kepada niat dan kerelaan. Para ulama' Sufi dan Tariqah


adalah para ulama' yang menumpukan perhatian mereka kepada aspek kerohanian seseorang Mukallaf. Mereka telah membentangkan asas-asasnya, prinsip-prinsipnya, menerangkan kesalahan-kesalahan dan penyelewengan yang berlaku di dalamnya. Dengan ini mereka telah menyumbang kepada pengukuhan aspek qalbiyyah di dalam disiplin ilmu-ilmu Islam. Lihat jadual di bawah.

Disiplin Ilmu	Perbahasan Amalan-amalan Qalbiyyah
Ilmu Aqidah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tawhid 2. Tasdiq
Ilmu Fiqh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Niat 2. Kerelaan / Keredaan
Ilmu Tasawwuf	<ol style="list-style-type: none"> 1. Taubat 2. Al-Khawf 3. Al-Zuhd 4. Al-Sabr 5. Al-Shukr 6. Al-Ikhlas wa al-Sidq 7. Tawakkal 8. Al-Mahabbah 9. Al-Rida bi al-Qada' 10. Dhikr al-Mawt <p style="text-align: center;">Dan begitu banyak lagi.</p>

5.2 Tasawwuf dan Tariqah Menghubungkan Shariat dan Hakikat

Shariat dan Hakikat adalah tidak mungkin bertentangan sama sekali bertentangan. Bahkan, Shariat adalah pintu masuk kepada Hakikat. Imam Ibn Ajibah menyebut Shariat dan Hakikat mungkin boleh datang di dalam satu nas al-Quran atau al-Sunnah atau boleh juga datang secara berasingan.

Al-Shaykh Muhammad Amin al-Kurdi (1994) telah menerangkan hubungan di antara Shariat, Tariqat dan Hakikat di dalam kitabnya yang masyhur "Tanwir al-Qulub fi Mu'amalat 'Allam al-Ghuyub". Di sini penulis cuba menggambarkannya dengan ilustrasi di bawah.



5.3 Tasawwuf dan Tariqah Memurnikan, Menghiasi dan Menyempurnakan Shariat dan Aqidah

Ilmu Tasawwuf adalah disiplin ilmu yang menyempurnakan lagi pengamalan Shariat dan kekuatan aqidah. Ilmu dan amalan tasawwuf dapat meningkatkan akidah Ahli Sunnah dan Jama'ah ke tahap setinggi-tingginya dari tingkat ilmu dan kefahaman bertempat di akal, meningkat kepada *hakikat* dan *makrifah* di hati dan roh (Jahid Sidek, 2014). Di dalam kitab-kitab aqidah Ahli Sunnah dan Jama'ah sendiri terdapat anjuran agar memperbanyakkan zikir Tahlil agar makna Tauhid yang telah dipelajari benar-benar difahami dan dihayati.

Dari sudut Shariat (Fiqh) pula, disiplin ilmu Tasawwuf akan memacu seseorang itu untuk menitikberatkan penerimaan sesuatu amalan yang dilakukan dan bukannya hanya kesahihannya semata-mata. Ini adalah kerana ilmu Fiqh membahaskan syarat-syarat kesahihan sesuatu amalan dan ilmu Tasawwuf membahaskan bagaimana sesuatu amalan itu diterima di sisi Allah. Seseorang yang melakukan sedekah atau mengerjakan solat mungkin melakukannya dengan sah dan memenuhi syarat amalnya, namun oleh kerana niatnya yang salah atau hatinya yang dipenuhi dengan perasaan ujub, riya' dan kibr mungkin menjadi sebab amalannya itu tertolak dan tidak diterima di sisi Allah.

5.4 Peranan Tariqah Tasawwuf dalam Menyebarkan Islam

Peranan Ulama' Sufi dan Tariqah Tasawwuf di dalam menyebarkan Islam juga amat jelas. Sebahagian pengkaji berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Tanah Melayu adalah melalui para ulama' Sufi yang melakukan usaha dakwah melalui jalan perniagaan. Dan perkara ini mempunyai asas yang amat kukuh dari sudut sejarah. Para Ulama' Sufi dilihat menyebarkan Islam dengan penuh hikmah melalui komunikasi yang berasaskan akhlak *mahmudah*, majlis-majlis ilmu dan zikir serta penulisan ilmiah. Hasilnya begitu banyak para ulama' kita di Malaysia khususnya dan di Kepulauan Nusantara umumnya juga mengamalkan dan menyebarkan Tariqah-tariqah Tasawwuf seperti Tariqah al-Shatariyyah, al-Naqshabandiyyah, al-Ahmadiyyah, al-Khalwatiyyah, al-Shadhiliyyah dan lain-lain. Untuk melihat peranan Tariqah Sufi dan peranannya dalam menyebarkan Islam di Malaysia, penulis mencadangkan buku yang ditulis oleh al-Marhum Dr Sulaiman Ibrahim al-Baruhi yang bertajuk: “(Terjemahan) Tarikat-tarikat Sufi di Malaysia dan Kesannya kepada Dakwah Islamiyyah” (al-Baruhi, 2002).

5.5 Peranan Tariqah Tasawwuf Dalam Pembukaan Wilayah Islam dan Jihad Kemerdekaan

Pembukaan yang dijanjikan oleh Rasulullah ﷺ bagi Kota Konstantinopel dilakukan oleh Sultan Muhammad al-Fatih yang merupakan anak didik seorang tokoh ulama' Sufi iaitu al-Shakyh Aq Shams al-Din al-Sufi. Beliau bukan sahaja bertanggungjawab sebagai pendidik Sultan Muhammad al-Fateh serta orang memberi galakan dan semangat bagi pembukaan ini, tetapi beliau lah juga yang menetapkan bagi Sultan Muhammad al-Fateh tarikh bagi pembukaan Kota Kostantinopel. Beliau juga adalah orang yang diberi petunjuk untuk menemui kembali kubur Saidina Abu Ayyub al-Ansari ؓ yang terletak berdekatan dengan tembok Kota Kostantinopel. Dan beliau jugalah orang pertama yang melakukan Khutbah Jumaat di Masjid Aya Sofia setelah pembukaan Kota Kostantinopel. Dan ini lah pembukaan yang dipuji dan dijanjikan oleh Rasulullah ﷺ.

Begitu juga pahlawan dan pemimpin seperti Salahuddin al-Ayyubi yang membebaskan Bayt al-Maqdis. Al-Imam al-Subki menyebut beliau sebagai


seorang Sufi yang zuhud, wara', bersih dan bertaqwa (Taj al-Din al-Subki, 2003). Beliau telah membina Khaniqah¹ bagi para Sufi di Mesir, membina madrasah-madrasah Sufi di Bukit Qasiyun di Syam dan membina kubah di atas kubur Imam al-Shafie dan membuka Bayt al-Maqdis pada 27 Rejab 583 Hijrah. Dan di sana terdapat begitu banyak fakta sejarah berkenaan hakikat ini.

Peranan Tariqah Sanusiyyah dan pejuangnya al-Shahid Umar Mukhtar dalam menentang penjajahan di Libya sangat diketahui. Dalam konteks tanah air kita, perjuangan-perjuangan kemerdekaan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh tanahair kita juga mendapat dokongan dan sokongan dari ulama' Sufi dan Shaykh Tariqah seperti Tok Ku Paloh. Beliau melindungi pejuang-pejuang Islam dan Melayu yang bermusuh dengan penjajah Inggeris pada zamannya dan ada riwayat mengatakan Haji Abdur Rahman Limbong dan Tok Janggut yang terlibat mengetuai kegiatan anti-penjajah juga adalah murid Tok Ku Paloh (Wikipedia).

6. Tasawwuf dan Tariqah Sufi Sebagai Salah Satu Gagasan Ahli Sunnah dan Jama'ah di Malaysia

Acuan gagasan Ahli Sunnah dan Jama'ah di Malaysia atau Tanah Melayu ini menyaksikan sinergi dan hubungan yang rapat di antara Mazhab al-Shafie sebagai aliran fiqh, mazhab Al-Asha'irah sebagai tunggak aqidah dan Al-Sufiyyah sebagai manhaj rohani. Lihat gambarajah di bawah:

Gagasan Ahli Sunnah dan Jama'ah di Malaysia



¹ Juga disebut Khanqah.

Hakikat ini amat jelas dan dinyatakan oleh para ulama' dan ulil al-amr di Malaysia. Berikut adalah sebahagian daripada kenyataan yang berkaitan:

6.1 Wasiat al-Shaykh Abdullah Fahim

Seorang ulama' Tanah Melayu yang masyhur iaitu al-Sheikh Abdullah Fahim menyebut di dalam wasiatnya:

“Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah was sholatu was salamu 'ala Sayyidina Muhammad wa 'ala alihi wa ashabihi.

(Amma ba'd), tuan-tuan sedia maklum beratus-ratus tahun bahawa orang bangsa Melayu seMalaya ini dari peringkat ke bawah hingga ke peringkat ke atas, awam-awam, qadhi-qadhi, ulama-ulama, menteri-menteri hingga raja-raja sekalian **mereka itu bermazhab dengan mazhab al-Imam asy-Syafi'i ijma'an** tiada seorang pun yang bermazhab lain daripada mazhab Syafi'i (yahrumu kharqul ijma` / diharamkan merobek ijma`).

Ambil mereka itu hukum-hukum fiqh Syafi'i daripada kitab Tuhfah dan kitab Nihayah hingga kitab al-Umm dan mukhtasharatnya dan terjemahnya kepada bahasa Melayu seperti Sabilal Muhtadin, Bughyatuth Thullab dan Mathla'ul Badrain dan lainnya.

Usuluddin atas perjalanan Abu al-Hasan al-Asy`ari diambilkan daripada syuruh dan hawasyi Ummul Barahin dan Jawharah dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu.

Ilmu tasawwuf atas perjalanan al-Imam al-Ghazali diambilkan daripada Minhajul 'Abidin, Ihya` Ulumiddin dan terjemahnya kepada Melayu seperti Siyarus Salikin.

Maka ini kitab-kitab dan seumpamanya segala hukum dalamnya kesemua mustanbath daripada Quran dan hadits yang dihalusi dan ditapis oleh ulama-u ajilla` (ulama yang cemerlang lagi terbilang) diamal dengan dia sudah lebih daripada 1000 tahun dan diterjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun.”

Rujuk Lampiran 1 untuk melihat salinan wasiat beliau.

6.2 Dato' Mustapha Othman – Ketua Pengarah JAKIM

Dato' Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM pernah menyebut di dalam satu wawancaranya:

“Anutan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi tradisi di Malaysia merujuk kepada pengikut **mazhab Syafieyah** dan **dari segi teologinya beraliran Asya'irah** tanpa menolak tiga mazhab lain yang muktabar. **Dari segi akhlak atau rohaniyahnya dipengaruhi oleh pandangan Imam al-Ghazali.**”

Sumber: Berita Harian, Ahad, 13 Disember 2013, m/s 30-31.

Pengaruh Imam al-Ghazali terhadap manhaj kesufian di tanah Melayu amat besar kerana selain menjadi tokoh besar dalam ilmu Tasawwuf, beliau juga adalah seorang tokoh besar dari kalangan ulama' mazhab al-Shafi'ie dan seorang tokoh besar di dalam mazhab al-Asha'irah. Dengan kata lain, beliau adalah peribadi yang boleh dianggap melambangkan manhaj Ahli Sunnah dan Jama'ah di Malaysia.

6.3 Resolusi Konvensyen Akidah Antarabangsa 2014 (K-Akidah) – Negeri Sembilan

Resolusi Konvensyen Akidah Antarabangsa 2014 (K-Akidah) mengandungi tujuh resolusi yang penting. Resolusi in telah dibaca oleh Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Yusof Ahmad dan resolusi pertamanya jelas melambangkan gagasan Ahli Sunnah dan Jama'ah di Malaysia.

“1. Aqidah umat Islam di bumi Malaysia adalah Aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah (ASWJ) yang berteras kepada manhaj/ prinsip al-Asya'irah dan al-Maturidiah manakala dalam fiqhnya berpegang kepada mazhab Syafie melainkan dalam masalah ifta' serta Tasawwuf mengikut jalan Syeikh Junaid al-Baghdadi yang muktabar termasuk di dalam kerangka ASWJ.”

Sumber: Utusan Malaysia. 5 Disember 2014. Dalam Negeri. Tujuh Resolusi K-Akidah dirumus. Lihat Lampiran 2.

6.4 Muzakarah Fatwa Negeri Sembilan 2016

Dalam perkembangan terbaru, Negeri Sembilan melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwanya telah membuat keputusan untuk mentafrikkan istilah Ahli Sunnah dan Jama'ah dan keputusannya adalah seperti berikut:

“Tarikh Keputusan : 25 Februari 2016

Setelah meneliti setiap pandangan ahli mesyuarat dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 02/2016-1437H yang bersidang pada 25 Februari 2016 bersamaan 16 Jamadilawal 1437H telah bersetuju menerima cadangan takrifan berkaitan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam konteks Negeri Sembilan iaitu merujuk kepada kelompok majoriti umat Islam mereka yang berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Quran dan panduan Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan para ulama Islam muktabar serta berpegang dalam hal berkaitan dengan:

1. **Aqidah dan Tauhid**, berdasarkan pegangan Imam Abu Hasan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.
2. **Fiqh dan Syariah**, berdasarkan **mazhab Shafii** di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali.
3. **Tasawwuf**, berdasarkan manhaj ulama sufi berwibawa seperti Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali.”

Rujukan: <http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/himpunan-fatwa/171-keputusan-mesyuarat-fatwa/933-tafsiran-pegangan-dan-aqidah-ahli-sunnah-wal-jamaah> . Tarikh akses: Ahad, 08 Mei 2016.

7. Kesimpulan

Tasawwuf adalah merupakan salah satu cabang daripada cabang-cabang Shariat dan Tariqah Sufi adalah merupakan usaha para ulama' Islam memelihara dan menghayati aspek-aspek kerohanian, akhlak dan kesungguhan dalam beribadah dan taqwa. Aspek-aspek ini pastinya merupakan tunjang kepada kekuatan aqidah seseorang Muslim. Prinsip-prinsip asas Tariqah Tasawwuf pada hakikatnya adalah merupakan intipati yang merangkumi ketiga-tiga aspek Shariat iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Al-

Imam al-Nawawi (676H) menyebut di dalam “Maqasid”nya (al-Nawawi, 1992):

المقصد السابع: في أصول طريق التصوف: هي خمسة: تقوى الله في السر والعلانية،
واتباع السنة في الأقوال والأفعال، والإعراض عن الخلق في الإقبال والإدبار، والرضى
عن الله تعالى في القليل والكثير، والرجوع إلى الله في السراء والضراء.

“Maksud yang ketujuh: Berkenaan Asas-asas Tariq / Jalan Tasawwuf: ia adalah Lima Perkara (Asas):

- (i) Ketaqwaan kepada Allah di dalam keadaan sunyi (sendiri) dan terang-terangan; dan
- (ii) Mengikut sunnah Nabi (ﷺ) pada perkataan dan perbuatan; dan
- (iii) Berpaling daripada makhluk dalam perjalanan pergi dan kembali; dan
- (iv) Keredaan kepada Allah (ﷻ) pada (kurniaan) yang sedikit dan banyak; dan
- (v) Kembali kepada Allah (ﷻ) di dalam keadaan senang dan susah.”

BIBLIOGRAFI

- Abu Mansur al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir. (1977). *al-Farq bayn al-Firaq*. Bayrut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- al-Baruhi, Sulayman Ibrahim. (2002). *al-Turuq al-Sufiyyah fi Maliziya wa Atharuha 'ala al-Da'wah al-Islamiyyah*. Seremban: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- al-Ghumari, Abdullah Ibn al-Siddiq *al-I'lam bi ann al-Tasawwuf min al-Islam*.
- al-Kurdi, Muhammad Amin (1994). *Tanwir al-Qulub fi Mu'amalat 'Allam al-Ghuyub*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Nawawi, Yahya Sharaf. (1992). *al-Maqasid (Maqasid al-Muhaddith al-Hujjah al-Imam Muhyi al-Din al-Nawawi fi al-Tawhid wa al-'Ibadah wa Usul al-Tasawwuf)*: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.

- al-Sha'rani, 'Abd al-Wahhab Ahmad. (2005). *Lawaqih al-Anwar al-Qudsiyyah fi Bayan al-'Uhud al-Muhamadiyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jahid Sidek. (2014). *Konsep Tasawwuf Yang Muktabar dalam Akidah*. Paper presented at the Konvensyen Akidah Antarabangsa 2014.
- Jawdah al-Mahdi, Muhammad Abu al-Yazid al-Naqshabandi. (2005). *al-Nafahat al-Jawdiyyah fi Ma'athir wa Awrad al-Tariqah al-Naqshabandiyyah* (2nd ed.). Shubra: al-Dar al-Jawdiyyah.
- Taj al-Din al-Subki, 'Abd al-Wahhab. (2003). *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi': al-Qahirah.
- Zakariyya al-Kandahlawi. *al-Shari'ah wa al-Tariqah*.

Laman Sesawang:

<http://www.kasnazan.com/article.php?id=1902>

https://ms.wikipedia.org/wiki/Saiyid_Abdur_Rahman_bin_Saiyid_Muhammad_al-Aidrus

Lampiran 1: Wasiat Sheikh Abdullah Fahim

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ لِلْمَدِينَةِ وَالصَّلَاةِ وَالصَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
 وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ (أما بعد)
 توفان، سردیا معلوم برائے تاشہن، ہوا اور ایچ ملاو سہ ملایان
 دری فرمکت کتابو ہفتکا فرمکت کاشہ
 عوام، قاضی، علماء منتری، ہفتکاراج، کلین مرکتت بر مذہب
 دغنی مذہب الامام الشافعی اجماعا تباد اسور ایخ خورع نیم بر مذہب
 لابن درخدا مذہب شافعی (یحرم خرق الإجماع)
 آ امیل مرکتت حکم، فہ شافعی درخدا کتاب تحفة، دان
 کتاب نہایہ ہفتکا کتاب الام دان مختصرات دان دان ترجمہ
 کفہ ہما ملاو سفری سبیل المہدی بغیۃ للطلاب
 دان مطام البدرین دان لایان
 اصول الدین اتسی فرجا اللزابی الحسن الاسعری
 دامیل کنز درخدا شروع دان عواشی امام البراہین دان جہوہ
 دان سبکالین درخدا کتاب، ملاو
 علم تصوف اتسی فرجا اللزابی الامام الغزالی
 دامیل کنز درخدا منہاج العابدین، اہباء علوم الدین
 دان ترجمہ کفہ ملاو سفری سبیل الساکین
 مک انی کتاب، دان سو فہان سکا لاجکوم والمرک کمداح
 مستنبط درخدا قرآن دان حدیث یفہ ہا لوسمی دان
 ذناقیس اولہ علماء اجلاء و عمل دغنی سودہ ایہ درخدا
 سربو تاشہن دان ترجمہ کفہ ہما ملاو بیلتسی تاشہن
 برائے

Lampiran 2: Resolusi Konvensyen Akidah Antarabangsa 2014

Tujuan memantapkan akidah umat Islam

Tujuh resolusi K-Akidah dirumuskan

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL

pengarang@utusan.com.my

■ SEREMBAN 4 DIS.

KONVENSYEN Akidah Antarabangsa 2014 (K-Akidah) yang berakhir hari ini merumuskan tujuh resolusi bagi tujuan memantapkan akidah umat Islam keseluruhannya.

Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Yusof Ahmad semasa membacakan resolusi berkenaan menegaskan, perkara yang dicapai itu adalah pertama, akidah umat Islam di negara ini adalah akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berteraskan manhaj (prinsip) Asha'irah Maturidiyyah.

Dalam fikahnya pula, kata beliau, ia berpegang kepada mazhab Syafie melainkan dalam masalah ifta' serta tasawuf mengikut jalan Syeikh Junaid al-Baghdadi yang muktabar termasuk dalam kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Keduanya adalah manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah hendaklah difahami secara sahih mengikut kefahaman yang telah disepakati oleh ijma' ulama keseluruhannya (majoriti ulama salaf dan khalaf)," katanya pada hari terakhir K-Akidah 2014 di Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan negeri, di sini hari ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mo-

hammad Hasan menutup konvensyen berkenaan yang turut dihadiri Ketua Hakim Syarie negeri, Datuk Mohd. Shukor Sabudin; Pengerusi Jawatankuasa Akidah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Datuk Syeikh Muhammad Fuad Kamaludin dan Setiausaha MAINS, Kamal Amran Kamarudin.

Mohd. Yusof berkata, perkara ketiga dalam resolusi itu adalah amalan wasatiyyah adalah ciri istimewa manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dan layak untuk menjadi pegangan umat Islam kerana menjamin keselamatan serta kestabilan negara.

"Adapun sikap ekstrem dalam perkataan seperti hukum mengkafirkan orang dan perbuatan melampau seperti keganasan agama adalah perbuatan yang membawa kepada perpecahan dan berbahaya kepada kestabilan negara," katanya.

Tambahnya, perkara keempat adalah pembahagian tauhid kepada *uluhiyah*, *rububiyah* dan *asma wa al sifat* adalah terkeluar prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah dan pegangan konsep sifat 20 yang merangkumi perkara kenabian dan perkara ghaib adalah tauhid yang menjadi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Perkara kelima pula adalah berpegang kepada salah satu daripada mazhab yang empat merupakan sesuatu yang telah disepakati oleh

Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Resolusi keenam pula adalah fahaman wahabi, syiah imamah, liberalisme dan pluralisme adalah fahaman yang ekstrem dan menyeleweng daripada prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah yang maklum menjadikan wasatiyyah manhajnya," katanya.

Mohd. Yusof menjelaskan perkara ketujuh dalam resolusi berkenaan adalah tidak boleh mengingkari perkara 'khilafiah' melainkan perkara yang telah 'dijmakkan' seperti tidak boleh menghukum kafir, bidaah, syirik dan sebagainya.

Semua resolusi itu disertakan dengan pelan tindakan yang boleh diambil pentadbir agama untuk dijadikan panduan pelaksanaan.

Resolusi berkenaan kemudiannya diserahkan kepada Mohamad yang juga Pengerusi MAINS untuk dibincangkan serta diberi sokongan untuk tujuan dasar dan pelaksanaan bagi mengharmonikan umat Islam kelak.

K-Akidah yang berakhir hari ini telah dihadiri penjawat awam dari agensi agama negeri dan Persekutuan, ahli akademik dan penuntut institusi pengajian tinggi serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO), selain menyaksikan sebanyak tujuh kertas kerja dan beberapa diskusi kitab diadakan melibatkan ulama dari dalam dan luar negara.



MOHAMAD HASAN melihat kitab sambil diperhatikan oleh Mohd. Yusof Ahmad (dua dari kiri) dan Syeikh Muhammad Fuad Kamaludin (kiri) pada majlis penutup Konvensyen Akidah Antarabangsa 2014 di Seremban, Negeri Sembilan, semalam. -UTUSAN/ABD. RAZAK AID